

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

Oleh ; Noorkarnila Rusli



Majlis Penghuni Kolej Kediaman Tun Abdul Razak (MPKKB) telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah buat julung-julung kalinya pada tahun ini. Kursus ini telah diwajibkan kepada semua pelajar Islam Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK).

Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar berkaitan kaedah-kaedah pengurusan jenazah secara Islam. MPKKB juga telah berbesar hati menjemput Ustaz Wahab sebagai penceramah bagi kursus tersebut. Kursus tersebut juga mengajar pelajar-pelajar mengaplikasikan ilmu-ilmu yang diperolehi daripada ceramah yang disampaikan.